# LAPORAN TAHUNAN 2017

46 TAHUN MEMBANGUN LEGASI

[1971-2017]

# ISI KANDUNGAN




KONSEP KULIT BUKU
Imej pada kulit buku Laporan 2017 adalah gambaran dari
KEJAYAAN PPAS MEMENANGI
'WORLD BEST IFLA POSTER'

Poster 'The Buggy Ride' @ Raja Tun Uda Library, Shah Alam telah memenangi 'Best IFLA Poster' di persidangan World Library and Information Congress (WLIC) di Wroclaw, Poland

PERUTUSAN PENGERUSI 01
PERUTUSAN PENGARAH 02
PERPUSTAKAAN RAJA TUN UDA SHAH ALAM 03-08
AHLI LEMBAGA PENGARAH 09-10
CARTA ORGANISASI 11
KUMPULAN PENGURUSAN 12
LATAR BELAKANG 13-14
PENCAPAIAN PPAS 15-20
KORPORAT DAN KUALITI 21-28
KHIDMAT PENGURUSAN 29-30
ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2016 31-32
PENGURUSAN KEWANGAN 33-36
PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN PPAS 37-46
PENGURUSAN KOLEKSI 47-52
PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN 53-54
TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN PENGURUSAN ILMU 55-56
STATISTIK 2017 57-68
GERAKAN MEMBACA 69-70
KALENDER PERISTIWA 71-78
KESUKA 79-80
PPAS @ MEDIA / BLOG 81-90
KOMEN PENGGUNA 91-92
HUBUNGI KAMI 93-98






Life Sketchbook
@
PERPUSTAKAAN
RAJA TUN UDA

BIG
IDEAS
LEE KUAN YEW
VAN
GOGH'S
EAR
BERNADETTE MURPHY

SELANGOR


PERPUSTAKAAN RAJA TUN UDA


PERPUSTAKAAN RAJA TUN UDA



# PERUTUSAN PENGERUSI
## PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR



## Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Perjalanan seribu batu bermula dengan langkah pertama. Kita kini hanya berada sekitar dua tahun menjelang 2020. Merancang dan melaksana strategi untuk tahun-tahun yang akan datang memerlukan kita sama-sama terlibat secara langsung, kerana setiap daripada kita bertanggungjawab dalam melakar masa hadapan yang kita inginkan.

***"Why wouldn't you try to make the future better if you are going to be part of it?"***
***–Elon Musk***

Oleh itu amat penting untuk kita membuat analisis kritikal dalam pencapaian terdahulu, agar masyarakat mendapat manfaat yang terbaik dan saksama daripada inisiatif-inisiatif Kerajaan Negeri.

Perpustakaan awam adalah salah satu institusi yang memberi perkhidmatan secara langsung kepada masyarakat. Institusi ini bersifat neutral kerana kemudahan dan infrastrukturnya adalah untuk dinikmati oleh segenap lapisan masyarakat. Tidak hairanlah perpustakaan awam kini menjadi one-stop community centre. PPAS sendiri telah mengasimilasikan konsep ini dengan menjadikan perpustakaan mereka sebagai rumah kedua, pusat pembelajaran, tempat pertemuan, pusat rekreasi, dan pusat pembangunan modal insan.

Sekalung tahniah kepada Pengarah dan semua warga PPAS kerana dengan usaha gigih mereka, Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor berjaya melebihi jangkaan pelanggan perpustakaan. Penaiktarafan perpustakaan desa dan pekan, penambahan perkhidmatan pustaka bergerak berkonsep baharu, penganjuran program dan aktiviti yang kreatif dan berlainan daripada yang pernah dianjurkan sebelumnya, adalah antara indikator bahawa PPAS telah melangkaui fungsi tradisional sebuah perpustakaan awam. ***Transform Libraries, Transform Societies*** ternyata bukan sekadar retorik, maka amat sesuai diangkat sebagai tema persidangan ***International Federation of Libraries Associations and Institutions (IFLA)***, yang mana Malaysia bakal menjadi tuan rumah pada tahun 2018.

Sudah tentu sesuatu kejayaan itu tidak akan terhasil tanpa kerjasama dan kolaborasi dari pelbagai pihak, dan ukhuwah di kalangan warga kerja sendiri. Oleh itu sama-sama kita berdoa dan berusaha agar momentum ini dapat dikekal malah diperhebatkan lagi pada tahun-tahun seterusnya.

***"Libraries were full of ideas–perhaps the most dangerous and powerful of all weapons."***
***–Sarah J. Maas***

Sekian.

***Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad***
***Pengerusi***
***Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor***

# PERUTUSAN PENGARAH
## PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR



## PUAN HJH. MASTURA HJ. MUHAMAD

Alhamdulillah, bersyukur dengan limpah rahmat Allah, tahun 2017 selamat dilalui dengan pelbagai kenangan suka duka terakam dalam lipatan sejarah Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS). Mengimbau sejarah adalah untuk mempelajari apa amalan terbaik yang boleh diteruskan, dan apa kesilapan yang boleh dielakkan daripada berulang.

Kolaborasi dan persepakatan pintar semakin dirasai keberkesanannya dalam melaksanakan projek-projek baharu dan program-program di PPAS. Ini amat bertepatan dengan firman Allah dalam Surah As-Saff ayat 4 yang bermaksud:

***"Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berperang untuk membela agama-Nya, dalam barisan yang teratur rapi, seolah-olah mereka sebuah bangunan yang tersusun kukuh."***

Dalam pewujudan pustaka bergerak terbaru berkonsep rebranding misalnya, 4 unit daripada 7 pustaka bergerak ini adalah hasil kerjasama di antara Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor dengan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS), yang masing-masing dinaungi oleh EXCO iaitu EXCO Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi dan Inovasi, Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad, dan EXCO Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar, Y.B. Dato' Ir Iskandar bin Abdul Samad.

Sambutan Hari Sains Sedunia 2017 pula merupakan kolaborasi dengan National STEM Movement yang dipengerusikan oleh Prof. Dr. Dato Noraini Idris. Pelbagai aktiviti menarik dianjurkan pada hari berkenaan untuk memberi pendedahan secara praktikal kepada para pelajar dan masyarakat umum tentang betapa penting dan dekatnya *STEM (Science, Technology, Engineering, Mathematics)* dalam kehidupan seharian kita.

Sokongan masyarakat terhadap projek dan program yang dilaksanakan juga amat dihargai, kerana ini akan membantu menyebarluaskan lagi manfaat yang dapat dirasai bersama. Semoga kolaborasi dan kerjasama yang terjalin akan diteruskan demi memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat secara konsisten.

Setinggi-tinggi terima kasih kepada semua agensi kerajaan dan swasta termasuk individu yang turut sama menggembleng tenaga bersama PPAS dalam pelbagai projek dan program yang dilaksanakan. Sekalung penghargaan kepada semua warga PPAS yang telah bertungkus-lumus sepanjang tahun 2017. Semoga usaha-usaha yang dijalankan dengan tujuan yang murni akan dipermudahkan oleh Allah dalam perjalanan kita seterusnya, dan disempurnakan dengan penuh kebaikan.

Sekian, terima kasih.

***Hajah Mastura Haji Muhamad, S.I.S.***
***Pengarah***
***Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor***

# PERPUSTAKAAN RAJA TUN UDA SHAH ALAM





Perpustakaan Raja Tun Uda (Bangunan Baru) berkonsepkan **"Perpustakaan dalam Taman".** Lokasinya amat strategik, iaitu bersebelahan Kelab Golf Sultan Abdul Aziz Shah. Ini merupakan pilihan **Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni AlMarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Sultan Selangor** yang mahukan konsep perpustakaan ini di dalam taman.

Selain dari memberi perkhidmatan kepada pelajar, penyelidik dan pendidik, perpustakaan ini juga menjadi tempat beriadah seisi keluarga, sahabat – handai bahkan tempat mencari ilham kepada peminat buku dan pencinta seni. Sesuai dengan *tagline* iaitu **'Rumah Keduaku'**, konsep di rumah dibawa ke perpustakaan di mana pengunjung boleh menikmati suasana yang nyaman, selesa dan harmoni. Inilah keistimewaan dan uniknya Perpustakaan Raja Tun Uda, Shah Alam.

















Bangunan setinggi **6 tingkat** ini mempunyai keluasan **203,600 kaki per segi**. Konsep dalamannya penuh dengan kepelbagaian warna dan variasi serta dilengkapi dengan peralatan moden dan mempunyai reka bentuk kontemporari. Ianya dapat memuatkan **2,500 pengunjung serta 400,000 naskhah buku**.

Pada cuti hujung minggu, cuti umum dan **cuti sekolah**, perpustakaan menerima jumlah pengunjung sehingga mencecah **8,000 orang dalam satu hari.**



*Virtual Reality*











Antara perkhidmatan yang disediakan di perpustakaan ini adalah **Perkhidmatan Multimedia, Perkhidmatan Wifi, Teater XD/6D, Teater 3D, Gimnasium, Kafeteria, dan Buggy**. Terkini perkhidmatan ***Virtual Reality (VR),*** dan ***Life Sketch Book (LSB)*** telah mula beroperasi pada **15 Mac 2017.**

***Virtual Reality (VR)*** kebiasaannya hanya terdapat di taman tema hiburan di serata dunia, namun PPAS mengambil langkah baru untuk memperkenalkan medium hiburan ini ke dalam sebuah perpustakaan. Tujuan utamanya adalah untuk menarik minat masyarakat khususnya golongan remaja yang belum pernah datang ke perpustakaan untuk mengunjungi perpustakaan dan akhirnya diharap dapat memupuk minat membaca yang mendalam, setelah meneroka setiap tingkat perpustakaan yang berkonsepkan 'Rumah Keduaku'.











*Life Sketchbook*

Ia juga merupakan sebahagian daripada perlaksanaan konsep edutainment di perpustakaan. Manakala Life *Sketchbook (LSB)* menyediakan pengalaman baru dan istimewa yang akan membuatkan imaginasi pengguna menjadi realiti secara terus. *Life Sketchbook* ini disediakan di sebuah bilik khas yang mempunyai **10 terminal komputer dan 2 unit projektor khas untuk paparan dan bunyi**. Pengguna boleh memilih haiwan kesayangan sama ada tema di hutan ataupun tema di lautan dengan menggunakan pelbagai krayon berwarna digital pada skrin terminal untuk mewarna dan melukis. Lukisan ilustrasi tersebut kemudiannya akan terpapar di skrin dinding besar yang akan membuatkan lukisan tersebut bergerak dan boleh berinteraksi dengan pengguna.

Kedua-dua perkhidmatan terbaru ini merupakan sebahagian daripada usaha PPAS dalam penambahbaikan berterusan konsep edutainment di perpustakaan, yang diadaptasikan hasil dari lawatan ke *Underwater World* di Langkawi. Perkhidmatan ini diharapkan dapat menarik minat pengunjung dan ahli-ahli seisi keluarga serta semua golongan masyarakat untuk berkunjung ke Perpustakaan Raja Tun Uda. Pengenalan perkhidmatan baru ***Virtual Reality*** dan ***Life Sketchbook*** ini adalah seiring dengan perkembangan dan keperluan masyarakat zaman abad ke-21, kerana kini perpustakaan bukan sekadar menyediakan perkhidmatan pinjaman buku, malah berkembang sebagai sebuah pusat pembelajaran, tempat pertemuan, pusat rekreasi dan pusat pembangunan insan.




*Cik Noor Asmah binti Azan sedang melayan pelanggan perpustakaan di kaunter informasi.*

Selain itu, terdapat juga **Auditorium, Dewan Serbaguna, Bilik Seminar, Bilik Mesyuarat serta Bilik Perbincangan.**



# SIAPAKAH KAMI ?

## AHLI LEMBAGA PENGARAH







***1) YB Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya***
*YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan*

***2) YB Dato' Noordin bin Sulaiman***
*Pegawai Kewangan Negeri*

***3) YDH Dato' Haji Emran bin Haji Kadir***
*Dato' Orang Kaya Maha Bijaya Petaling,*
*Orang Besar Daerah Petaling*

***4) Tuan Haji Mohd Salleh bin Mohd Kassim***
*Pengarah Jabatan Pelajaran Selangor*

***5) Dato' Nafisah binti Ahmad***
*Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia*

***6) Encik Kamal bin Sujak***
*Ketua Pustakawan*
*Perpustakaan Digital Siti Hasmah, Universiti Multimedia*

Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor dilantik oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi tempoh 3 tahun dan bertanggungjawab bagi membincang dan meluluskan polisi, program dan aktiviti-aktiviti serta perbelanjaan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor.

***Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik adalah :***

1. Pengerusi
**Y.B. Nik Nazmi Bin Nik Ahmad**
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains dan Teknologi dan Inovasi

2.Timbalan Pengerusi
**Dato' Saifuddin Bin Abdullah**
Pengerusi Pusat Kajian Pembinaan Bangsa, Institut Darul Ehsan

3. Setiausaha
**Puan Hjh Mastura binti Hj Muhamad**
Pengarah
Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor

## AHLI-AHLI




***7) YB Puan Lee Kee Hiong***
*ADUN Kuala Kubu Bharu*

***8) YB Tuan Rajiv a/l Risyakaran***
*ADUN Bukit Gasing*

***9) YB Puan Dr Hajah Halimah binti Ali***
*ADUN Selat Klang*

***10) YB Tuan Dr Idris bin Ahmad***
*ADUN Ijok*

***11) Encik Mohd. Jamali bin Salamon***
*Perunding Perpustakaan*

***12) Puan Faridah binti Talib***
*Ketua Timbalan Pustakawan*
*Perpustakaan Tun Abdul Razak*
*Universiti Teknologi MARA (UiTM)*

***13) Encik Rahimi bin Md. Saad***
*Pensyarah*
*Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya*

# KUMPULAN PENGURUSAN




1. **Pengarah**
   *Puan Hjh Mastura binti Hj Muhamad*

2. **Timbalan Pengarah**
   *Puan Suzliana binti Hj Abdul Hamid*

3. **Ketua Bahagian Khidmat Pengurusan**
   *Encik Sarwani bin Abd. Jalal*

4. **Ketua Bahagian Pendokumentasian**
   *Cik Norhafidah binti Hj Ehawan*

5. ***Ketua Bahagian Unit Pengurusan Kualiti**
   *Puan Hajah Nihayah binti Haji Ebni Hajar*

6. **Ketua Bahagian**
   *Unit Pembangunan Sumber Manusia*
   *Puan Sabariah binti Sayuti*

7. ***Ketua Bahagian Perkhidmatan Perpustakaan (RATU)**
   *Encik Mohamed Fadzli bin Haji Mohd Fauzi*

## CARTA ORGANISASI PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR






8. **Ketua Bahagian Gerakan Membaca**
*Encik Norkhairul Nizam bin M. Sadon*

9. **Ketua Bahagian Pembangunan Dan Penyelenggaraan**
*Encik Norazhan bin Sahlan*

10. **Ketua Bahagian Unit Korporat**
*Encik Zainuddin bin Hj Tasiman*

11. **Ketua Bahagian Teknologi Maklumat**
*Puan Haiziah binti Abu*

12. **Ketua Bahagian Perkhidmatan Rangkaian Perpustakaan**
*Encik Zahir bin Haji Yahaya*

13. **Ketua Bahagian Unit Kewangan**
*Puan Roselin binti A. Razak*



# LATAR BELAKANG

Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) telah ditubuhkan melalui enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor 1968 dan diwartakan dalam Warta Kerajaan No. 5, bertarikh 27 Mac 1969, Warta Kerajaan No. 7, 1975 (pindaan) serta Warta Kerajaan No. 29,2011 (pindaan).

Pada tahun 1971, Lembaga Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor telah dibentuk bagi memulakan sebuah Perpustakaan Awam di Negeri Selangor. Langkah pertama ke arah ini ialah dengan **pengambilalihan Kelab Buku Kuala Lumpur** pada 20 Oktober 1971 untuk dijadikan sebagai Ibu Pejabat Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor.

Perpustakaan ini kemudian berpindah ke Shah Alam pada 16 November 1986 dan diberi nama Perpustakaan Raja Tun Uda (RATU). Rekabentuk bangunan Perpustakaan Negeri ini adalah bercirikan kebudayaan Bugis, manakala **rekabentuk dalaman merupakan pertembungan budaya Timur dan Barat. Bangunan ini mengandungi enam tingkat dan mempunyai keluasan 102,545 kaki persegi** di mana 40,420 kaki persegi adalah ruang bacaan yang dianggarkan dapat menampung seramai lebih 1,000 orang pembaca pada satu-satu masa. Rak-rak pula dapat menempatkan **250,000 naskah buku.**

1971 | 1986

6 TINGKAT 102,545 KAKI



Perpustakaan ini dibuka kepada orang ramai pada 18 April 1987 dan telah dibuka dengan **rasminya pada 15 Mac 1988 oleh Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah Alhaj.**

**Perpustakaan Raja Tun Uda Shah Alam** merupakan sebuah Perpustakaan Negeri yang juga menjadi ibu pejabat bagi Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor. Ibu pejabat Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor telah berpindah sekali lagi ke bangunan baru bertempat di Seksyen 13. Perpustakaan ini merupakan hadiah daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Sultan Selangor kepada rakyat Selangor sempena pengisytiharan "Selangor Maju 2005". Pelancaran tapak perpustakaan ini telah disempurnakan pada 27 Ogos 2005 sebagai mercu tanda Selangor Maju 2005.

Perpustakaan ini telah dibuka kepada orang ramai pada **22 Julai 2011 yang mempunyai 6 aras** secara keseluruhan, berkeluasan **203,600 kaki persegi** dan dapat memuatkan seramai 2,500 orang pada satu-satu masa. Perpustakaan Negeri ini berfungsi mentadbir, menyelenggara dan menyelaras perpustakaan-perpustakaan di seluruh Negeri Selangor. Dalam masa yang sama, ia beroperasi sebagai Ibu Pejabat Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor dan juga berfungsi sebagai **Hub Ilmuan Selangor** yang dapat membantu kerajaan menurunkan kadar jenayah dan gejala sosial.

Sejak ditubuhkan pada tahun 1971, Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor bergerak seiring dengan wawasan Kerajaan Negeri Selangor dan hingga kini Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor mempunyai **102 pusat perkhidmatan di seluruh Negeri Selangor.**

## PUSAT PERKHIDMATAN
## 102 SELURUH NEGERI




*YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pendidikan Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi dan Inovasi merangkap Pengerusi PPAS di Majlis Perasmian Perpustakaan Awam Selangor Sekinchan bersama YB Tuan Ng Swee Lin, ADUN Sekinchan, En Kamal Sujak dan En Jamali Salamon, Ahli Lembaga Pengarah PPAS dan Pn Hjh Mastura Hj Muhamad, Pengarah PPAS.*



# PENCAPAIAN PPAS

## *Penjenamaan Semula (Rebranding) Perpustakaan bermula tahun 2009 – 2017*

**45 PERPUSTAKAAN 'REBRANDING'**




*YB Tuan Nik Nazmi Nik Ahmad, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, sains, Teknologi dan Inovasi merangkap Pengerusi PPAS sedang menandatangani plak perasmian Perpustakaan Awam Selangor Sekinchan bersama YB Ng Swee Lin, ADUN Sekinchan dan Pn. Hjh Mastura Hj Muhamad, Pengarah PPAS*








1. Perpustakaan Raja Tun Uda Shah Alam (26 Mei 2009)
2. Perpustakaan Awam Selangor Semenyih (15 Mac 2010)
3. Perpustakaan Awam Selangor Bukit Beruntung (14 April 2010)
4. Perpustakaan Awam Selangor Sri Manja (18 Oktober 2010)
5. Perpustakaan Awam Selangor Sri Perantau (31 Mei 2011)
6. Perpustakaan Awam Selangor Ampang Waterfront (17 Oktober 2011)
7. Perpustakaan Awam Selangor Pandan Jaya (9 Jun 2012)
8. Perpustakaan Awam Selangor Bukit Bangkong (17 Mac 2012)
9. Perpustakaan Awam Selangor Kajang (21 Februari 2013)
10. Perpustakaan Awam Selangor Rawang (24 Mac 2013)
11. Perpustakaan Awam Selangor Lembah Jaya (2 September 2014)
12. Perpustakaan Awam Selangor Sungai Udang, Klang (15 September 2014)
13.Perpustakaan Awam Selangor Kuang (21 Disember 2015)
14. Perpustakaan Awam Selangor Jenjarom (21 Disember 2015)
15. Perpustakaan Awam Selangor Parit Baru (21 Disember 2015)
16. Perpustakaan Awam Selangor Parit Mahang (Disember 2015)
17. Perpustakaan Awam Selangor Daerah Hulu Langat, Bangi (Mei 2016)
18. Perpustakaan Awam Selangor Sungai Pelek, Sepang (21 Jun 2016)
19. Perpustakaan Awam Selangor Sungai Merab (1 Mac 2017)
20. Perpustakaan Awam Selangor Parit 14, Sabak Bernam (1 Mac 2017)
21. Perpustakaan Awam Selangor Parit 8, Sabak Bernam (8 Jun 2016)
22. Perpustakaan Awam Selangor Sg Selisik, Kuala Kubu Bharu (1 Mac 2017)
23. Perpustakaan Awam Selangor Bt 14, Hulu Langat (1 Mac 2017)
24. Perpustakaan Awam Selangor Sijangkang (1 Mac 2017)
25. Perpustakaan Awam Selangor Sekinchan (1 Mac 2017)
26. Perpustakaan Awam Selangor Desa Jenderam Hllir, Sepang(1 Mac 2017)
27. Perpustakaan Awam Selangor Dato' Ahmad Razali, Dengkil(1 Mac 2017)
28. Perpustakaan Awam Selangor Hulu Bernam, Hulu Selangor
29. Perpustakaan Awam Selangor Ijok, Kuala Selangor
30. Perpustakaan Awam Selangor Gulang-Gulang, Kuala Selangor
31. Perpustakaan Awam Selangor Desa Binjai Jaya, Sabak Bernam
32. Perpustakaan Awam Selangor Taman Mawar, Cheras
33. Perpustakaan Awam Selangor Bagan Terap, Sg Besar
34. #SmartSelangor Mobile Library -1 (1 Mac 2017)
35. #SmartSelangor Mobile Library -2 (1 Mac 2017)
36. #SmartSelangor Mobile Library -3 (1 Mac 2017)
37. #SmartSelangor Mobile Library -4 (12 Sept 2017)
38. #SmartSelangor Mobile Library -5 (12 Sept 2017)
39. #SmartSelangor Mobile Library -6 ( 12 Sept 2017)
40. #SmartSelangor Mobile Library -7 (12 Sept 2017)
41. Perpustakaan Awam Selangor Kg Lindungan, Petaling Jaya
42.Perpustakaan Cawangan Tg Karang
43. Perpustakaan Daerah Sabak Bernam
44. Perpustakaan Daerah Gombak
45. Perpustakaan Awam Selangor, Taman Seri Medan, Sijangkang



*En Mohd Firdaus bin Yahaya sedang memberikan perkhidmatan #SmartSelangor Mobile Library*

# 4 UNIT #SMARTSELANGOR MOBILE LIBRARY- SELANGOR BEST
# 3 UNIT #SMARTSELANGOR MOBILE LIBRARY - PPAS

***#SmartSelangor Mobile Library – Selangor BEST (Bring Excellence Into Society)*** telah dirasmikan oleh Y.A.B Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali, Dato' Menteri Besar Selangor pada tahun 2016. **4 unit #SmartSelangor Mobile Library – Selangor BEST telah ditaja oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPSH)** dengan jumlah tajaan **RM 1,000,000.00.** Pada tahun 2017, 3 unit lagi *#SmartSelangor Mobile Library* di bawah seliaan PPAS dengan jumlah **RM 750,000.00** telah siap untuk memberikan perkhidmatan kepada rakyat Selangor. *#SmartSelangor Mobile Library – Selangor BEST* akan **bergerak ke pangsapuri - pangsapuri kos rendah meliputi kawasan Petaling Jaya, Selayang, Ampang Jaya dan Kajang**. Manakala ***#SmartSelangor Mobile Library*** di bawah seliaan PPAS akan bergerak ke kawasan **perumahan, masjid, dewan komuniti, FELDA dan juga sekolah di sekitar Klang, Banting, Sepang dan Hulu Selangor.**







# LAWATAN PENANDARASAN PERPUSTAKAAN DI POLAND



Mdm Janina Kordys, Director of Olawa Public Library sedang membacakan buku cerita dalam bahasa Polish sambil disaksikan oleh Pengarah PPAS.



Penyerahan cenderahati iaitu koleksi buku-buku terjemahan projek kerajaan negeri Selangor kepada Director of Olawa Public Library, Mdm Janina Kordys.




Bookworm Tricycle Library



Antara koleksi Bible yang terdsapat di dalam Chained Library




Pn Hjh Mastura Hj Muhamad, Pengarah PPAS bersama Mdm Janina Kordys, Director of Olawa Public Library dan Mdm Berzona dari United States.











# PENCAPAIAN PPAS PERI

## BEST IFLA POSTER 2017 THE




Pada tahun 2017, Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) telah menghantar 2 poster untuk dipertandingkan di **Persidangan World Library and Information Congress (WLIC) di Wroclaw, Poland, anjuran International Federation of Library Associations and Institutions (IFLA) kali ke-83**. Dua poster tersebut berjudul The Buggy Ride @ Raja Tun Uda Library oleh Puan Hajah Mastura Haji Muhamad, Puan Sabariah Sayuti dan Encik Noor Jasmin Jumhar; serta **Raise a Reader, Build A Nation of Readers: Building Solidarity Among Library Societies** oleh Puan Hjh Mastura Haji Muhamad, Puan Suzliana Hj Abdul Hamid dan Encik Norkhairul Nizam M. Sadon. Tahun ini merupakan penyertaan kali kedua PPAS dalam pertandingan poster IFLA selepas tahun 2016 di Columbus, Ohio, Amerika Syarikat.

PPAS telah memenangi anugerah **Best IFLA Poster 2017** bagi poster yang berjudul **The Buggy Ride @ Raja Tun Uda Library .**

Kertas kerja dari PPAS juga turut terpilih di antara 1,000 kertas kerja yang telah dihantar oleh negara-negara dari seluruh dunia untuk dibentangkan di dalam persidangan tersebut. Kertas kerja berjudul **"The Application of Oral History Methodology in Developing the Selangor State Collection: the Experience of the Raja Tun Uda Library, Shah Alam"** di bawah seksyen genealogy and local history (GEN-LOC) tersebut telah dibentangkan oleh Puan Hajah Mastura Haji Muhamad, Pengarah PPAS, Puan Hikmah Binti Hassan dan Puan Norelmin Binti Sapuan. Pembentangan kertas persidangan mengenai sejarah lisan ini adalah pertama kali bagi PPAS di Persidangan IFLA.

Kejayaan PPAS di persada antarabangsa ini adalah hasil sokongan Kerajaan Negeri di bawah pentadbiran Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali, yang menggalakkan pendedahan, peluasan ilmu serta pengalaman bagi membangun bangsa dan masyarakat yang berkemajuan.

Sebanyak **188 poster dipertandingkan** dari seluruh dunia dan Malaysia diwakili oleh dua perpustakaan awam negeri iaitu Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor dan Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang.






# NGKAT ANTARABANGSA

## BUGGY RIDE @ RAJA TUN UDA









Tercetusnya idea penghasilan poster ini adalah disebabkan perkhidmatan buggy di Perpustakaan Raja Tun Uda, Shah Alam yang bermula sejak 2014 sebagai solusi kepada masalah parkir. Perpustakaan Raja Tun Uda menerima jumlah pengunjung yang amat tinggi sejak dibuka pada tahun 2011 (bangunan baru).

Untuk menampung jumlah pengunjung dan pengguna perpustakaan yang tinggi ini, Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, Sultan Selangor telah menitahkan Kerajaan Negeri agar kompleks parkir bertingkat dibina bagi kemudahan pengguna perpustakaan dan ia dijangka siap pada tahun 2018.

Dalam masa yang sama, lokasi parkir sementara yang disediakan terletak agak jauh daripada bangunan perpustakaan. Oleh itu, perkhidmatan buggy yang disediakan menjadi sangat bermanfaat bagi memudahkan pergerakan pengguna perpustakaan dan turut mengambil kira faktor keselamatan pengguna.

Namun, perkhidmatan buggy ini juga menjadi tarikan kepada pengguna perpustakaan untuk datang ke perpustakaan kerana lazimnya perkhidmatan ini disediakan di hotel ataupun di padang golf.

Perkhidmatan buggy di Perpustakaan Raja Tun Uda adalah satu-satunya perkhidmatan yang seumpamanya di perpustakaan di Malaysia. Sehingga kini, sebanyak empat unit buggy disediakan dan perkhidmatan ini telah dimanfaatkan oleh lebih daripada **172,384 orang** pengguna sejak ianya diperkenalkan pada tahun 2014 hingga tahun 2017.

# KORPORAT DAN KUALITI

PPAS
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR

***REKAAN LOGO*** adalah imej unik yang berbentuk manusia yang sedang membaca di atas abjad ***"A"***. Logo ini terbahagi kepada 4 warna.

***Simbolik figura*** yang diletakkan pada huruf ***"A"*** mewakili ***orang awam atau ahli perpustakaan.***

***WARNA JINGGA*** melambangkan kreativiti, kejayaan dan galakan
***WARNA COKLAT PUDAR*** melambangkan persekitaran dunia ilmu
***WARNA BIRU FIRUS*** melambangkan kebijaksanaan dan kearifan
***WARNA KELABU*** melambangkan kekuatan dan kekuasaan

## *MASKOT*

### *Aliff dan Anis*

*Dari tahun 2009 - hingga kini*





## VISI

***Menjadi pusat pembelajaran*** sepanjang hayat yang dapat membina kekuatan ***spiritual, intelektual dan emosi***.

## MISI

***Memperkaya dan memperkasa masyarakat*** melalui perkhidmatan perpustakaan yang relevan, mudah capai dan berkualiti tinggi.

***Membangunkan prasarana perpustakaan*** yang lengkap, selesa, kondusif serta terkini bagi memenuhi keperluan masyarakat.

***Merealisasikan*** sebuah pusat pengumpulan koleksi negeri.

***Membantu Kerajaan Negeri*** menurunkan kadar jenayah dan gejala sosial.

## SLOGAN

***Selangkah ke Perpustakaan Sejuta Senyuman,***
***Sekali Klik Sejuta Maklumat.***





## TAGLINE

***PPAS Rumah Keduaku***
***PPAS My Second Home***



## OBJEKTIF

***Menubuhkan, mengurus dan menyelenggara perpustakaan*** awam negeri dan cawangan-cawangan perpustakaan di seluruh negeri.

***Mengadakan dan menyelenggara*** Perpustakaan Bergerak dan Perpustakaan Desa.

***Mengambil alih mana-mana perpustakaan*** yang ada di dalam negeri dengan persetujuan pentadbiran perpustakaan tersebut.

***Mengembangkan dan menggalakkan bacaan*** khususnya dalam Bahasa Malaysia.

## PIAGAM PELANGGAN

1. Memproses permohonan pendaftaran ***keahlian perpustakaan dalam tempoh satu (1) jam hari bekerja.***

2. Memastikan ***urusan pinjaman*** bahan perpustakaan diselesaikan dalam ***tempoh dua (2) minit*** bagi setiap pelanggan kecuali waktu sesak.

3. Memastikan ***bahan perpustakaan perolehan terkini tersedia di atas rak*** untuk rujukan pelanggan Shah Alam dalam ***tempoh dua (2) minggu.***

4. Perkhidmatan rujukan bersedia membantu anda untuk ***mengesan bahan maklumat tidak lebih daripada satu (1) hari.***

5. Memberi ***maklumbalas kepada aduan*** yang lengkap kepada pengadu dalam ***tempoh empat belas (14) hari bekerja.***



*En Saiful Bahri bin Abd Hamid sedang memberikan perkhidmatan peminjaman bahan pandang dengar*



BERILTIZAM UNTUK MENJADI SEBUAH PERPUSTAK
AWAM YANG CEMERLANG DAN BERTARAF DUNIA

## DASAR KUALITI

1. Pengurusan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor beriltizam untuk menjadi sebuah perpustakaan awam yang ***cemerlang*** dan ***bertaraf dunia*** bagi memenuhi keperluan pelanggannya berdasarkan Sistem Pengurusan Kualiti ***MS ISO 9001 : 2008.***

2. Pengurusan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor sentiasa ***komited dalam pembinaan koleksi dan kemudahan perpustakaan yang lengkap*** bagi memenuhi kehendak pelanggannya secara konsisten dan profesional.

3. Pengurusan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor juga akan berusaha melaksanakan ***penambahbaikan berterusan*** bagi memastikan keberkesanan Sistem Pengurusan Kualitinya.





AAN

MS ISO 9001 : 2008

PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN




*Pn Rozainees Kamaruddin bersama pelanggan di Hari Bertemu Pelanggan, Subang Parade.*

## HARI BERTEMU PELANGGAN

Hari Bertemu Pelanggan berjaya diadakan pada tahun 2017 untuk memberi peluang kepada pelanggan **mengemukakan pertanyaan, cadangan, komen dan aduan kepada Unit Korporat.** Selain itu, ianya sebagai langkah untuk mewujudkan budaya mesra pelanggan ke arah peningkatan imej Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor serta memberi ruang kepada pelanggan mengetahui dengan lebih lanjut mengenai maklumat terkini tentang perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan.

Pada tahun 2017, program telah diadakan di **Subang Parade pada 7 dan 8 Oktober 2017.**

Pendekatan ini membolehkan PPAS mendapatkan maklumbalas pelanggan secara terus dan terperinci berkaitan perkhidmatan dan infrastruktur serta mendapatkan cadangan bagi mengambil langkah-langkah penambahbaikan serta meningkatkan mutu perkhidmatan yang disediakan.

# MENGEMUKAKAN PERTANYAAN, CADANGAN DAN ADUAN



## ADUAN DAN CADANGAN PELANGGAN

Sepanjang tahun 2017, sebanyak **70 maklum balas** pelanggan telah diterima yang merangkumi aduan dari pengguna di seluruh pusat perkhidmatan PPAS melalui saluran borang maklumbalas dan juga Facebook.

**100% aduan** yang diterima **berjaya diberikan maklum balas** dalam tempoh 14 hari bekerja. Bagi Perpustakaan Raja Tun Uda Shah Alam, aduan tertinggi adalah berkaitan kemudahan dan perkhidmatan manakala bagi pusat perkhidmatan perpustakaan yang lain aduan lebih tertumpu kepada koleksi dan bahan perpustakaan.

**21 pujian dan penghargaan** telah diterima daripada pelanggan perpustakaan bagi keseluruhan pusat perkhidmatan perpustakaan.

## INDEKS KEPUASAN PELANGGAN

Bagi tahun 2017, Indeks Kepuasan Pelanggan bagi keseluruhan pusat perkhidmatan PPAS adalah di skala **BAIK iaitu 3.24**

Indeks kepuasan pelanggan diukur melalui atas talian bagi Perpustakaan Raja Tun Uda Shah Alam manakala melalui pusat perkhidmatan perpustakaan yang lain menggunakan medium borang yang telah disediakan meliputi perkhidmatan perpustakaan, koleksi, kemudahan, prasarana dan juga kualiti perkhidmatan kakitangan.

## LAWATAN

Sepanjang tahun 2017, Perpustakaan Raja Tun Uda telah menerima sebanyak **283 jumlah lawatan** dengan jumlah **pelawat seramai 13,833** daripada pelbagai organisasi kerajaan dan swasta, sekolah, badan NGO, IPTA dan juga IPTS

**142** PELANGGAN

**100 %** MAKLUMBALAS

**13,833** PELAWAT

# PENGURUSAN KUALITI



## SISTEM PENGURUSAN KUALITI DAN BERPANDUKAN PIAWAIAN ANTARABANGSA

### PENGURUSAN KUALITI MS ISO 9001 : 2008

Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor telah berjaya melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti dan berpandukan piawaian antarabangsa **MS ISO 9001 : 2008 di Perpustakaan Raja Tun Uda, Shah Alam, Perpustakaan Daerah Sabak Bernam, Sungai Besar dan Perpustakaan Daerah Hulu Langat, Bandar Baru Bangi.**

| TARIKH | BILANGAN AUDIT | PERPUSTAKAAN |
|---|---|---|
| 11 - 12 Januari 2017 | Bengkel Audit Dalam MS ISO Versi 2015 | Perpustakaan Raja Tun Uda, Shah Alam |
| 3, 6 dan 14 Jun 2016 | Bengkel Menaiktaraf dan Pemurnian Dokumen MS ISO Versi 2015 | Perpustakaan Raja Tun Uda, Shah Alam |
| 29 – 30 Mei 2017 | Audit Pematuhan MS ISO 9001 : 2008 | Perpustakaan Raja Tun Uda, Shah Alam |

### JAWATANKUASA SISTEM PENGURUSAN KUALITI

*Pengerusi*
*Puan Hjh Mastura binti Hj Muhamad*

*Wakil Pengurusan*
*Puan Suzliana binti Hj Abdul Hamid*

*Timbalan Wakil Pengurusan*
*Cik Norhafidah binti Hj Ehawan*

*Ketua Audit Dalaman*
*Puan Sabariah binti Sayuti*

*Timbalan Ketua Audit Kualiti Dalaman*
*Encik Norkhairul Nizam bin M. Sadon*

*Pengurus Dokumen*
*Cik Siti Mohairah binti Yahaya*

*Ahli Jawatankuasa*
*Encik Sarwani bin Abd Jalal*

*Puan Hjh Nihayah binti Hj Ebni Hajar*

*Encik Mohamed Fadzli bin Hj Mohd Fauzi*

*Encik Norazhan bin Sahlan*

*Encik Zainuddin bin Hj Tasiman*

*Puan Haiziah binti Abu*

*Encik Zahir bin Hj Yahaya*





# MS ISO 9001 : 2008

## PERPUSTAKAAN RAJA TUN UDA, SHAH ALAM, PERPUSTAKAAN DAERAH SABAK BERNAM, SUNGAI BESAR DAN PERPUSTAKAAN DAERAH HULU LANGAT, BANDAR BARU BANGI

### EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)

| TARIKH | BILANGAN AUDIT | PERPUSTAKAAN |
|---|---|---|
| 13 Januari 2017 | Bengkel Pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) | Perpustakaan Raja Tun Uda, Shah Alam |
| 22 Mac 2017 | Taklimat EKSA | SUK Selangor |
| 24 Mac 2017 | Taklimat EKSA kepada kakitangan | Perpustakaan Raja Tun Uda, Shah Alam |





*Pn Hjh Mastura Hj Muhamad bersama kakitangan PPAS di Bengkel EKSA*

# KHIDMAT PENGURUSAN

## PENTADBIRAN SUMBER MANUSIA

Pada tahun 2017, kakitangan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor terdiri daripada **254 orang kakitangan.**



*Kakitangan Bahagian Sumber Manusia, PPAS*





### Jumlah Kakitangan

| JAWATAN | JUMLAH KAKITANGAN |
|---|---|
| Tetap | 212 |
| Kontrak | 26 |
| PSH | 16 |
| | 254 |

254

ORANG KAKITANGAN

### Latihan/ Kursus / Seminar

Sepanjang tahun 2017, Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor telah menghantar kakitangannya menghadiri **217 kursus** yang terdiri daripada **29 kursus dalaman** dan **188 kursus luaran** untuk meningkatkan mutu perkhidmatan, berdisiplin, cara bekerja dan meningkatkan motivasi dalam diri setiap kakitangan.





*Pn Hjh Mastura Hj Muhamad, Pengarah PPAS bersama Pn Fathiah Shamsuddin di Kursus Quantum Excellence Empowerment "Towards a heart-centered excellence performance culture".*

# MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)




## WAKIL PENGURUSAN

**PENGERUSI**
**Puan Hjh Mastura binti Hj Muhamad**
Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor

**SETIAUSAHA**
**Encik Sarwani bin Abd Jalal**
Ketua Bahagian Khidmat Pengurusan

**Puan Suzliana binti Hj Abdul Hamid**
Timbalan Pengarah

**Cik Norhafidah binti Hj Ehawan**
Ketua Bahagian Pendokumentasian

**Puan Hajah Nihayah binti Hj Ebni Hajar**
Ketua Bahagian Unit Pengurusan Kualiti

**Puan Sabariah binti Sayuti**
Ketua Bahagian Unit Pembangunan Sumber Manusia

**Encik Mohamed Fadzli bin Hj Mohd Fauzi**
Ketua Bahagian Perkhidmatan Perpustakaan (RATU)

**Encik Norkhairul Nizam bin M. Sadon**
Ketua Bahagian Gerakan Membaca

**Encik Norazhan bin Sahlan**
Ketua Bahagian Pembangunan Dan Penyelenggaraan

**Encik Zainuddin bin Hj Tasiman**
Ketua Bahagian Unit Korporat

**Puan Haiziah binti Abu**
Ketua Bahagian Teknologi Maklumat

**Encik Zahir Bin Haji Yahaya**
Ketua Bahagian Perkhidmatan Rangkaian Perpustakaan

**Puan Roselin Binti Abd Razak**
Ketua Bahagian Unit Kewangan

## WAKIL PEKERJA PERPUSTAKAAN RAJA TUN UDA SHAH ALAM

| | |
|---|---|
| **Cik Siti Mohairah binti Yahaya**<br>**Puan Hikmah binti Hassan** | Penolong Pustakawan Kanan (S32)<br>Penolong Pegawai Sistem Maklumat (F29/F32)<br>Penolong Pustakawan (S29/S32)<br>Penolong Pegawai Kewangan (W29/W32)<br>Penolong Pegawai Tadbir (N29/N32) |
| **Puan Mujiah binti Sayoothi** | Pembantu Perpustakaan Kanan (S22,S26)<br>Pembantu Tadbir (Kewangan) (W22)<br>Pembantu Tadbir Kanan (N22) |
| **Encik Busran bin Masan** | Pembantu Tadbir (N19/N22)<br>Pembantu Pustakawan (S19)<br>Pembantu Tadbir Kewangan (W19) |
| **Encik Abd Razak bin Md. Jusoh** | Pembantu Operasi (N11/N14)<br>Pembantu Awam, Pemandu, Pengawal Keselamatan (H11, H14) |

## WAKIL PEKERJA PERKHIDMATAN DAERAH

| | |
|---|---|
| **Puan Norafidah binti Mohd Wirsat** | Penolong Pustakawan Kanan (S32)<br>Penolong Pustakawan (S29) |
| **Puan Miskiah binti Sarbani**<br>**Puan Mariati binti Husin**<br>**Puan Rohani bin Sanusi**<br>**Encik Mohd Nizam bin Radzaly** | Pembantu Perpustakaan Kanan (S22,S26)<br>Pembantu Pustakawan (S19/S22)<br>Pembantu Tadbir (N19/N22)<br>Juruteknik Komputer (FT19/FT22) |
| **Puan Suhaila binti Muhaji**<br>**Encik Shahrul Helme bin Ibrahim** | Pembantu Operasi (N11/N14)<br>Pembantu Awam, Pemandu, Pengawal Keselamatan (H11,H14) |

# PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) TAHUN 2016






## *ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) BAGI TAHUN 2016*

### *8 Februari 2017 (SACC CONVENTION CENTRE SHAH ALAM)*

1. Encik Norkhairul Nizam bin M. Sadon
2. Encik Noor Jasmin b. Jumhar
3. Puan Sannyza bt. Abd Rahman
4. Encik Busran bin Masan
5. Puan Norasikin binti Md. Yatim
6. Puan Rahimah binti Hassan
7. Puan Junita binti Parnoh
8. Puan Noraznialfadellah bt. Mohd Yusof
9. Encik Muhammad Rasaffie bin Ramli
10. Puan Rahimah binti Zahari
11. Puan Norsabah binti Ahmad
12. Puan Sumariah binti Jalani
13. Puan Bunga binti Zakaria
14. Encik Muhd Zamri Akmal b. Md. Yatim
15. Puan Siti Norsalizah binti Mahmud
16. Encik Abd Fatah bin Shadan@Shahadan
17. Encik Arifin bin Saad
18. Encik Azlan bin Amron
19. Encik Muhamad Haniff bin Abdul Razak

### *Kakitangan yang bersara*

1. *Encik Abd. Hakim bin Jaafar*
2. *Encik Ariffin bin Saad*
3. *Encik Khalid bin Mohd Saidi*





*YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pembangunan Modal insan, Sains, Teknologi dan Inovasi bersama Pn Hjh Mastura Hj Muhamad, Pengarah PPAS menyampaikan anugerah kepada kakitangan yang cemerlang bagi tahun 2016 dan bersara bagi tahun 2017*






# PENGURUSAN KEWANGAN

## *Peruntukan Kewangan*

Pada Tahun 2017, Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor telah menerima peruntukan.



PERUNTUKAN KEWANGAN NEGERI

**RM 12,396,000.00**

+

PERUNTUKAN KEWANGAN PERSEKUTUAN

**RM 8,330,541.50**

JUMLAH PERUNTUKAN

**RM20,726,541.50**



**3,364**

BIL DAN TUNTUTAN DIPROSES 2017



## *Peruntukan UPEN*

Peruntukan yang diluluskan oleh ***UPEN*** pada tahun 2017 ialah :

**RM8,170,020.00**






02 02 02 02 02 02
100%





# UNIT ASET

## Perolehan Sebut Harga

Pada tahun 2017, sebanyak ***34 perolehan (Sebut Harga Kerja, Perolehan Bekalan dan Perkhidmatan)*** telah dibuka dengan nilai berjumlah **RM 3,573,006.72**






## Perolehan Aset

| JENIS ASET | NILAI (RM) | KUANTITI |
|---|---|---|
| Harta Modal | RM 1,307,591.77 | 103 |
| Aset Alih bernilai Rendah | RM 439,494.26 | 1,087 |
| JUMLAH KESELURUHAN | ***RM 1,747,086.03*** | ***1,190*** |

## Jenis Aset

Kenderaan Pejabat (Motosikal), #SmartSelangor Mobile Library, Peralatan ICT, Perabot dan Kelengkapan Pejabat















NILAI ASET

# 1,747,086.03






# PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN

## PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR, BAGAN TERAP, SG. BESAR

Sebelum 'rebranding'


- Ruang Bacaan
- Bilik Kanak-kanak
- Ruang Santai
- Bilik PSR
- BIlik Perbincangan
- Bilik Mesyuarat
- Surau
- WIFI Percuma

KELUASAN
1,127 KPS




## PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR, BINJAI JAYA, SABAK BERNAM

Sebelum 'rebranding'


- Ruang Bacaan
- Bilik Kanak-kanak
- Ruang Santai
- Bilik Multimedia
- Surau
- WIFI Percuma

KELUASAN
1,466 KPS



# PROJEK PEMBANGUNAN 2017

## PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR, SG. GULANG-GULANG, KUALA SELANGOR




Sebelum 'rebranding'

- Ruang Bacaan
- Bilik Kanak-kanak
- Ruang Santai
- Ruang Multimedia
- Surau
- WIFI Percuma

KELUASAN
1,496 KPS

## PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR, IJOK, KUALA SELANGOR




Sebelum 'rebranding'

- Ruang Bacaan
- Bilik Kanak-kanak
- Ruang Santai
- Ruang Multimedia
- Surau
- WIFI Percuma

KELUASAN
1,259 KPS

# PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR, HULU BERNAM, HULU SELANGOR

Sebelum 'rebranding'



- Ruang Bacaan
- Bilik Kanak-kanak
- Ruang Santai
- Bilik PSR
- BIlik Perbincangan
- Bilik Mesyuarat
- Surau
- WIFI Percuma

KELUASAN
3,724KPS



## PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR, TAMAN MAWAR, CHERAS

Sebelum 'rebranding'



- Ruang Bacaan
- Bilik Kanak-kanak
- Ruang Santai
- Bilik PSR
- BIlik Perbincangan
- Bilik Mesyuarat
- Surau
- WIFI Percuma

KELUASAN
2,005KPS






# PERSPEKTIF PERPUSTAKAAN MENGGUNAKAN

## PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR @ PJS6, KAMPUNG LINDUNGAN, PETALING JAYA









# KONTENA

USAHASAMA








# PERSPEKTIF LANSKAP

## PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR @ PJS6, KAMPUNG LINDUNGAN, PETALING JAYA OLEH MBPJ











## PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR @ PJS6, KAMPUNG LINDUNGAN, PETALING










Panasonic





# PENGURUSAN KOLEKSI

## 1) PEMBANGUNAN KOLEKSI

Peruntukan yang diterima untuk pembelian bahan bagi tahun 2017



JUMLAH PERUNTUKAN 2017

**RM 3,332,216.60**



*En Jalani Mustafa, sedang menjalankan pemerikasaan buku-buku baru yang diterima dari pembekal*



**114,386 NASKHAH BUKU**




*En Saiful Bahri bin Abd Hamid sedang memeriksa koleksi bahan pandang dengar yang diterima*



## BAHAN PANDANG DENGAR | 645 UNIT

*Pn Siti Nor Akmar binti Ahmad dan Pn Nora binti Adnan sedang melakukan proses menampal barkod.*





# SUMBANGAN TAHUN 2017






## JUMLAH SUMBANGAN 2017

# 4,140 NASKHAH

**SENARAI PENYUMBANG**

1) Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj
2) Y.A.M. Tengku Datin Paduka Setia Zatashah binti Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj
3) YB Puan Gan Pei Nei
4) YB Dato' Noordin bin Hj Sulaiman
5) Institut Darul Ehsan
6) Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)
7) Persekutuan Orang Pekak Se-Malaysia
8) Bank Islam Berhad
9) Kedutaan Australia
10) Orang Awam









*Dato' Hussamuddin bin Yaacob bersama Pn Suzliana binti Abd. Hamid, En Jalani bin Mustafa dan En Mohd Hazizul bin Mohd Hashim.*






## AKTIVITI PEMILIHAN BAHAN

Pemilihan bahan di ***Festival Buku Kanak-Kanak (FESBUK) SACC MALL, Shah Alam, Pesta Buku Selangor, Pesta Buku Negeri Sembilan, Pesta Buku Pulau Pinang, Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur, Pesta Buku Melaka dan Pesta Buku Kedah.***



# 2) PENDOKUMENTASIAN

## STATISTIK PEMPROSESAN BAHAN MENGIKUT PUSAT PERKHIDMATAN DAN KATEGORI BAHAN 2017

| PERPUSTAKAAN | JUMLAH (NASKHAH) |
|---|---|
| Perpustakaan Raja Tun Uda, Shah Alam | 6,738 |
| Perpustakaan Daerah | 9,445 |
| Perpustakaan Cawangan | 4,681 |
| Perpustakaan Pekan | 9,653 |
| Perpustakaan Bergerak | 15,368 |
| Perpustakaan Desa | 37,143 |
| **JUMLAH** | **83,028** |



*Pn Isnani binti Awang Mat Yasin*



*Pn Zurianti binti Zulkifli*








*Pn Jamaliah binti Jamil, En Selamat bin Ali dan Pn Nazlina binti Lekan sedang melaksanakan kerja-kerja memproses buku*



*Pn Masilah binti Md Yatim*



*Pn Mariati binti Husin*





# PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN

Perkhidmatan Perpustakaan bertanggungjawab ***memenuhi kepuasan dan kehendak pelanggan, memberi perkhidmatan dengan mesra dan efektif*** dan juga menyampaikan maklumat yang terkini dan pantas kepada pengguna. Di antara perkhidmatan - perkhidmatan yang disediakan ialah transaksi bahan perpustakaan ***(peminjaman, pemulangan, pembaharuan)***, pinjaman antara perpustakaan, pendaftaran keahlian perpustakaan, perkhidmatan kaunter informasi dan perkhidmatan pencarian bahan perpustakaan .

## JUMLAH HARI SETAHUN DIBUKA

## 2017 341 HARI



*En Abdul Razak bin Md Jusoh sedang membuat semakan bacaan rak sebelum waktu perkhidmatan dibuka kepada pelanggan*




# PERKHIDMATAN PELANGGAN




# PERKHIDMATAN RUJUKAN DAN PENYELIDIKAN

# TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN PENGURUSAN ILMU





*En Saief El Taoufiq bin Samiaun melakukan kerja pendigitalan bahan-bahan nadir*



















Life Sketchbook
@
PERPUSTAKAAN
RAJA TUN UDA











# PENCAPAIAN STATISTIK

## PENGUNJUNG PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR 2017



*Pn Nor Chempawan binti Mat Abu memberikan penerangan kepada delegasi Speaker Parlimen dan Dewan Undangan Negeri seluruh Malaysia*




*Pn Hjh Mastura Hj Muhamad bersama delegasi dari Worldwide Holding Berhad yang di ketuai oleh Ketua Komunikasinya, Tuan Hj Ami Nardin bin Hj  Ishak*








JUMLAH
1,811,520
PENGUNJUNG

RATU
991,773
PENGUNJUNG

DAERAH
819,747
PENGUNJUNG

# PENGUNJUNG PERPUSTAKAAN

## JUMLAH PENGUNJUNG PERPUSTAKAAN RAJA TUN UDA 2011 - 2017



*Perpustakaan Raja Tun Uda Shah Alam di Seksyen 13 mula beroperasi pada 22 Julai 2011*

**JUMLAH PENGUNJUNG 2011-2017**
**4,962,795**

| Tahun | Pengunjung |
|---|---|
| 2011 | 176,505 PENGUNJUNG |
| 2012 | 619,452 PENGUNJUNG |
| 2013 | 754,478 PENGUNJUNG |
| 2014 | 814,848 PENGUNJUNG |
| 2015 | 696,083 PENGUNJUNG |
| 2016 | 909,656 PENGUNJUNG |
| 2017 | 991,773 PENGUNJUNG |

# KEAHLIAN PERPUSTAKAAN

## JUMLAH KEAHLIAN PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR 2017



**JUMLAH**
**56,841**
**KEAHLIAN 2017**

**PERKHIDMATAN DAERAH**
**43,611**
**KEAHLIAN 2017**

**RAJA TUN UDA SHAH ALAM**
**13,230**
**KEAHLIAN 2017**



Pn Norafidah binti Muhd Wirsat menjalankan proses penyusunan buku di rak

**PINJAMAN 2017**
**855,672**
**NASKHAH**

**RAJA TUN UDA SHAH ALAM**
**152,287**
NASKHAH

**PERKHIDMATAN DAERAH**
**703,385**
NASKHAH

# PROGRAM & AKTIVITI

## JUMLAH PENYERTAAN PROGRAM DAN AKTIVITI PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR 2017

**1,654,493** PESERTA

**9,475** AKTIVITI

Festival Buku dan Kanak-kanak (Fesbuk)
**32,315** PESERTA



Pesta Buku Selangor
**365,658** PESERTA



Let's Read Together For 10 Minutes
**837,992** PESERTA



Tilawah Braille dan Malaysia #QuranHour
**89,753** PESERTA




Aktiviti-aktiviti kecil
**328,775** PESERTA



# PERKHIDMATAN GIMNASIUM

PERPUSTAKAAN RAJA TUN UDA SHAH ALAM 2017



JUMLAH
2013-2017
**6,165**
PENGGUNA

**1,040**
PENGGUNA 2017

# PERKHIDMATAN BUGGY

## BUGGY DI PERPUSTAKAAN RAJA TUN UDA, SHAH ALAM




*En Muhammad Taufiq bin Nasro dan En Zulkifli bin Osman sedang memberikan perkhidmatan buggy kepada pelanggan*

**JUMLAH 2014-2017**
**172,384**
**PENGGUNA**

**82,421**
**PENGGUNA 2017**



# PERKHIDMATAN *'EDUTAINMENT'*

## DI PERPUSTAKAAN RAJA TUN UDA, SHAH ALAM











TEATER XD
33,646
PENGGUNA
2017

TEATER MINI 3D
6,799
PENGGUNA
2017

LIFE SKETCHBOOK
905
PENGGUNA
2017

VIRTUAL REALITY
483
PENGGUNA
2017

## PENGGUNAAN KOLEKSI PERIBADI DYMM SULTAN SELANGOR






2017
**1,568**
NASKHAH



# LAWATAN DI PERPUSTAKAAN RAJA TUN UDA, SHAH ALAM

LAWATAN 2017
**283**

2013 - 2017
**1,682**
JUMLAH LAWATAN



*Lawatan isteri-isteri Delegasi Speaker Parlimen dan Dewan Undangan Negeri Seluruh Malaysia*



*Pn Hajah Mastura binti Haji Muhamad, Pengarah PPAS bersama Tuan Hj Ami Nardin bin Hj Ishak dari Worldwide Holding Berhad*



# AKTIVITI GALAKAN MEMBACA 2017





FESTIVAL BUKU DAN KANAK-KANAK (FESBUK)



PESTA BUKU SELANGOR (PBS) 2017

*LETS READ TOGETHER FOR 10 MINUTES /* JOM BACA BERSAMA UNTUK 10 MINIT













*KARNIVAL PENDIDIKAN #SMART SELANGOR*




## HARI SAINS SEDUNIA 2017

## MAJLIS TILAWAH AL-QURAN BRAILLE & MALAYSIA #QURANHOUR 2017




# PESTA BUKU SELANGOR 2017









# MAJLIS PELANCARAN #SMARTSELANGOR MOBILE LIBRARY





# MAJLIS PELUNCURAN BUKU EDISI KHAS: A HISTORY OF MUSLIM PHILOSOPHY




MAJLIS PELUNCURAN


PERPUSTAKAAN RAJA TUN UDA SHAH ALAM
MAJLIS PELUNCURAN BUKU
EDISI KHAS

# PROGRAM ULASAN BUKU 2017

## OLEH INSTITUT DARUL EHSAN (IDE) DAN PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR (PPAS)












JUMLAH BUKU DIULAS
16
JUDUL

PENGULAS BUKU
11
ORANG

PROGRAM
24
SIRI

JUMLAH PESERTA
1,084
ORANG

*Program ulasan buku disampaikan oleh Ustazah Hazlina binti Abd Razak dan disaksikan oleh YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad, Pengerusi Lembaga Pengarah PPAS bersama YB Tuan Ng Swee Lim, ADUN Sekinchan serta Pn Hjh Mastura Hj Muhamad, Pengarah PPAS*

# TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT - CSR PPAS






LAWATAN ANAK – ANAK YATIM PULAU PINANG PADA 30 NOVEMBER 2017 DI PERPUSTAKAAN




PROGRAM SMALL KINDNESS ROHINGYA DI AMPANG




